

14/03/2001

Wanita bawa usul menjunjung kasih

KUALA LUMPUR, Selasa - Buat pertama kali, usul menjunjung kasih bagi titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ketika membuka penggal ketiga persidangan Dewan Rakyat ke-10 Isnin ini, akan dibawa oleh seorang ahli Parlimen wanita.

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Mohd Salleh Hassan, berkata Ahli Parlimen Arau, Mastika Junaidah Husin, akan membawa usul itu.

"Ini adalah sejarah baru dalam persidangan Dewan Rakyat," katanya.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan merasmikan persidangan Dewan Rakyat pada 19 Mac ini. Sesi itu akan berakhir pada 3 Mei manakala persidangan Dewan Negara bermula 8 Mei hingga 6 Jun.

Mohd Salleh berkata, pada sesi persidangan kali ini juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga pada 3 April dan Rancangan Malaysia Kelapan pada 23 April.

Beliau berkata, sehingga 26 Februari lalu, pihaknya menerima 975 pertanyaan lisan, 181 pertanyaan bertulis dan 14 usul dari ahli Parlimen, termasuk yang mewakili pembangkang.

Katanya, soalan yang paling banyak berkisar kepada Jabatan Perdana Menteri (termasuk Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri.

Bagi sesi persidangan kali ini, rang undang-undang yang akan dibentangkan bagi bacaan kedua dan ketiga ialah:

- * Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan)(Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000.
- * Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2000.

Rang undang-undang bagi bacaan pertama pula ialah:

- * Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001.
- * Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001.
- * Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001.
- * Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001.

Sementara itu, Mohd Salleh berkata satu alat pengesan logam sudah dipasang di dua pintu masuk utama bangunan Parlimen hari ini selaras usaha meningkatkan keselamatan di bangunan Parlimen.

(END)